

19/02/2001

Penghayatan patriotisme penting untuk pertahan kedaulatan

SHAH ALAM, Ahad - Belia perlu berusaha memartabatkan agama, bangsa dan negara bagi memastikan kesinambungan perpaduan terus utuh sekali gus menangkis sebarang cubaan anasir asing menjajah negara sekali lagi.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata setiap warga belia harus memiliki semangat cintakan serta setia kepada negara dan tidak sekali-kali rela membiarkan diri diperhambakan di tanah air sendiri.

"Generasi muda kita sekarang adalah anak-anak selepas merdeka yang kurang menghayati semangat kebebasan kerana tidak berpeluang mengharungi suka-duka perjuangan rakyat untuk mendapat kemerdekaan daripada penjajah.

"Justeru, golongan muda ini perlu diberi pendedahan dan dipupuk supaya menghayati serta menghargai kehidupan sebagai rakyat merdeka selain sanggup berkorban mempertahankan kedaulatan negara tercinta ini.

"Semangat kekitaan ini wajar dijadikan iktibar generasi muda selaku pemimpin yang bakal mewarisi negara, untuk memastikan nama Malaysia terus megah pada mata dunia," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di sini, hari ini.

Perhimpunan yang mengumpulkan kira-kira 15,000 belia serta pelajar dari seluruh negara itu adalah yang terbesar pernah dianjurkan Majlis Belia Malaysia (MBM) sejak 20 tahun lalu.

Upacara gemilang itu turut menempa nama dalam sejarah negara serta tersenarai dalam Malaysia Book of Records dengan mempersembahkan kumpulan koir paling ramai iaitu 2,020 penyanyi, sekali gus memecahkan rekod lama (1,200 penyanyi).

Sejumlah 77 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk badan gabungan belia dan kelab rekreasi selain pelajar sekolah, berganding bahu bagi menjayakan perhimpunan yang bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Upacara perasmian perhimpunan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengingatkan belia mengenai penjajahan bentuk baru yang meracuni pemikiran, peradaban dan budaya masyarakat.

Hishammuddin berkata, perkembangan dunia ke arah penyebaran maklumat bebas menerusi Internet menggunakan konsep dunia tanpa sempadan turut membawa bencana walaupun memberi manfaat dalam pelbagai aspek.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo, berkata peringatan Perdana Menteri perlu dipandang serius dan dijadikan iktibar untuk memperkasakan ketahanan diri golongan muda dari segi fizikal dan mental.

"Walaupun penyebaran maklumat tanpa sempadan ada kemudaratanya, kita tidak boleh ketinggalan daripada menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin kukuh bertapak sebagai agenda baru dunia.

"Memang diakui ada pihak menggunakan teknologi baru ini untuk menyebarkan pelbagai tohmah bagi mengelirukan rakyat dan kita wajar memupuk semangat patriotik rakyat untuk menangkis cubaan ini," katanya.

Presiden MBM, Saifuddin Abdullah, pula berkata amanat Perdana Menteri mempunyai mesej yang amat mendalam bagi menyedarkan rakyat bahawa penjajahan minda oleh anasir asing adalah satu hakikat yang tidak boleh dipandang remeh.

"Amanat serta nasihat Dr Mahathir ini akan akan kami serapkan dalam pelbagai program dan projek kemasyarakatan yang dilaksana pertubuhan belia di seluruh negara untuk disampaikan ke segenap pelosok negara.

"MBM akan terus menyemai semangat setia dan cintakan negara di kalangan

warga belia negara bagi melengkapkan persediaan diri untuk mewarisi dan menerajui negara ini ke arah kemajuan lebih pesat," katanya.

(END)